

## Pelajar UMS Wakili Malaysia ke London

Terakhir dikemaskini: Khamis, 27 Julai 2017 11:13 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 2283

Kongsi 0

Syorkan 0

Kongsi

Tweet

Share



**KHAMIS, 27 JULAI** – Kejohanan Enactus Kebangsaan Malaysia 2017 menyaksikan usaha keras pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) berbaloi apabila pasukan Enactus UMS diumumkan sebagai juara.

Kejayaan itu sekali gus menjadikan pasukan Enactus UMS akan bertanding mewakili Malaysia di kejohanan *Enactus World Cup 2017* di London pada September depan.

Kejuaraan itu diperoleh melalui dua projek keusahawanan berimpak tinggi yang membuatkan para juri terpukau dan memberi markah tertinggi semasa pertandingan peringkat akhir.

Ia melibatkan Projek Teh Daun Mulberi yang telah berjaya meningkatkan purata

pendapatan bulanan lebih 300 penduduk Kampung Tudan, Tuaran dalam tempoh setahun pelaksanaannya.

Sementara itu, Projek '*Payao*' iaitu pemasangan tukun tiruan di tengah laut di Pulau Sepanggar pula bukan sahaja meningkatkan hasil tangkapan bahkan turut mengurangkan kos bahan api seterusnya memberi manfaat kepada 23 nelayan kecil.

Melalui pembentangan projek tersebut, UMS telah mengetepikan Universiti Tenaga Nasional Kampus Sultan Haji Ahmad Shah dan Universiti Malaysia Terengganu untuk unggul di persada kejohanan.

Acara tahunan anjuran Yayasan Enactus Malaysia itu berlangsung selama tujuh hari di *MATRADE Exhibition & Convention Centre (MECC)*, Kuala Lumpur.

Untuk rekod, UMS sebelum ini pernah mewakili Malaysia ke pertandingan Enactus peringkat dunia di Mexico pada tahun 2013.

Kali terakhir UMS menyertai pertandingan itu ialah pada tahun 2015 yang menyaksikan Enactus UMS muncul sebagai naib juara.

Oleh Elfiah Jekius (Pelajar Latihan Industri BPK)